

Penjawat awam bekerja dari rumah berperingkat

Kuala Lumpur: Penjawat awam negara akan secara berperingkat dan terpilih, akan bekerja dari rumah (BDR) menerusi penetapan peraturan kerja yang lebih anjal, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam.

Perdana Menteri berkata, pendekatan itu bertujuan memastikan kelangsungan perkhidmatan awam, di samping menyesuaikan kaedah kerja dengan keperluan semasa.

Selain sektor awam, beli-

au turut menyarankan sektor swasta supaya melaksanakan kaedah sama seperti yang telah diamalkan oleh beberapa syarikat dan institusi perbankan.

“Langkah lain sedang difikirkan, termasuk keputusan menetapkan peraturan kerja lebih anjal seperti bekerja dari rumah. Penjawat awam akan boleh secara berperingkat dan terpilih bekerja dari rumah.

“Saya percaya insya-Allah,

selain daripada sektor awam kita juga menggesa sektor swasta untuk melaksanakan sepertimana yang dilaksanakan oleh beberapa syarikat dan bank,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan Perutusan Khas berhubung langkah strategik kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam mendepani krisis tenaga global susulan konflik di Asia Barat di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, menegaskan usaha mengekalkan disiplin serta mengelakkan pembaziran dan ketirisan akan terus diperkukuh.

Tegasnya bahawa langkah diambil itu adalah mustahak bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negara kekal stabil walaupun berdepan cabaran global

“Bagi pihak kerajaan, insya-Allah kita akan terus menjaga

disiplin, mengelak keborosan, ketirisan dan menjaga supaya momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia ini agak luar biasa dan terkecuali kerana setelah melihat kemerosotan yang berlaku di dunia, kita lihat Malaysia masih mendapat tarikan, menjadi pusat tarikan pelaburan yang sangat aktif sepertimana yang kita umumkan beberapa langkah setelah kemelut dan peperangan ini masih ramai yang datang,” katanya.